

03 MAR 2004

Pilihan raya-Reaksi (Rangkuman)

PEMBUBARAN PARLIMEN BUKAN BERITA MENGEJUTKAN - PEMBANGKANG

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Parti-parti pembangkang menyifatkan pembubaran Parlimen esok bukan satu berita yang mengejutkan, malah sesuatu yang dinanti-nantikan oleh mereka.

Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata parti itu sudah bersedia pada bila-bila masa untuk menghadapi pilihan raya kerana PAS sudah membuat persiapan sejak tahun lepas.

"Gembar-gembur mengenai pilihan raya hendak diadakan...sejak tahun lepas semasa Tun Dr Mahathir (Mohamad) menjadi Perdana Menteri. Kita sudah membuat persiapan sejak masa itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco di Kuala Terengganu hari ini.

Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu mengulas pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa Parlimen akan dibubar esok untuk membolehkan pilihan raya umum ke-11 diadakan.

Abdullah berkata Yang di-Pertuan Agong telahpun menandatangani perisytiharan pembubaran Parlimen hari ini.

Abdul Hadi berkata PAS dengan kerjasama Keadilan telah bersedia seratus peratus untuk berhadapan dengan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum nanti.

"Minggu lepas, kami sudah berbincang mengenai pengagihan kerusi...kami juga sudah sediakan draf manifesto yang boleh dicetak pada bila-bila masa," katanya.

"Di Terengganu insya-Allah tambahan satu kerusi Parlimen kepada Keadilan," katanya.

Pada pilihan raya umum 1999, Keadilan diperuntukkan satu kerusi Parlimen di Kemaman dan calonnya, Pengerusi Keadilan Terengganu Abdul Rahman Yusof menewaskan calon BN Datuk Wan Zaki Muda.

Abdul Hadi mengulangi bahawa beliau bersedia bertanding di mana-mana tetapi penyokongnya mendesak beliau kekal bertanding di kawasan sedia ada -- Marang (Parlimen) dan Rhu Redang (Dewan Undangan Negeri).

Beliau yakin PAS akan kekal memerintah Terengganu selepas pilihan raya umum nanti.

Setiausaha Agung DAP Kerk Kim Hock juga berkata pengumuman pembubaran itu tidak mengejutkan kerana semua orang telah menanti-nantikan ketibaannya.

DAP telah bersiap sedia dan akan memuktamadkan senarai calonnya tidak lama lagi, katanya kepada Bernama di sini.

Beliau berkata DAP akan berjumpa dengan Keadilan Sabtu ini untuk membincangkan persiapan mereka.

Kerk berharap Suruhanjaya Pilihan raya (SPR) akan memastikan tempoh berkempen tidak kurang daripada 14 hari walaupun DAP lebih suka ia diadakan selama 21 hari.

Pada pilihan raya 1999, DAP bertanding 47 kerusi Parlimen dan 88 kerusi Dewan Undangan Negeri tetapi hanya menang 10 kawasan Parlimen dan 11 negeri.

Parti Demokratik Malaysia (MDP) juga berharap tempoh kempen lebih panjang bagi pilihan raya umum kali ini, minimum tiga minggu atau maksimum satu bulan.

"Pembubaran bukannya masalah (bagi kami)...tetapi saya harapkan lebih masa untuk berkempen," kata setiausaha agung MDP Wee Choo Keong semasa dihubungi di sini.

Jika tempoh berkempen terlalu pendek, adalah tidak adil bagi parti pembangkang kerana mereka tidak cukup jentera dan publisiti, katanya.

MDP ditubuhkan pada 1999 dan bertanding beberapa kerusi negeri serta parlimen pada pilihan raya umum tahun itu tetapi kalah kesemuanya dan kali ini ia akan bertanding di Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

Wee berkata MDP akan bersikap realistik dan tidak menumpukan kepada banyak kerusi kerana parti itu tidak mempunyai banyak sumber dan ia akan bermesyuarat malam ini atau esok untuk menentukan jumlah kerusi yang akan ditandingi.

Beliau juga berkata setakat ini MDP tidak menerima pelawaan dari mana-mana parti pembangkang untuk bekerjasama pada pilihan raya kali ini dan "kami anggap mereka tidak berminat."

Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Abdul Rahman

Othman berkata parti berkenaan telah bersedia kerana memang telah

menjangkakan pilihan raya umum ke-11 akan diadakan dalam masa terdekat.

"Pada dasarnya Keadilan tidak berada dalam keadaan panik. Dari segi persiapan, hampir 100 peratus telah dibuat. Selebihnya, kita masih ada masa untuk persiapan terakhir dilakukan sehingga tarikh pencalonan diumumkan," katanya kepada Bernama di sini.

"70 peratus calon yang akan bertanding adalah muka lama... Dari segi pemilihan calon kita lihat dari aspek kredibiliti, kepimpinan dan kewibawaan sebagai pemimpin. Kebanyakan muka baru adalah dari kalangan profesional," katanya.

Abdul Rahman berkata tumpuan akan diberikan kepada beberapa negeri seperti Selangor, Perak dan Pulau Pinang, manakala di negeri yang calon Keadilan tidak bertanding, ia akan membantu kemenangan parti pembangkang lain.

Mengenai ura-ura presiden parti Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail kekal bertanding di Permatang Pauh, beliau berkata terpulang kepadanya (Dr Wan Azizah) untuk membuat keputusan.

Di KUCHING, Presiden Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) Edwin Dundang berkata beliau memang sudah menjangka parlimen akan dibubarkan minggu ini dan sudah menetapkan akan bertanding di empat kerusi yang dimenangi parti itu sebelum krisis kepimpinan Snap -- Mas Gading, Saratok, Bintulu dan Baram.

-- BERNAMA
SNS SHI MT KHY RON